

29 MAY 2003

Islam-HIV/AIDS/I

PERSIDANGAN SINGKIR PANDANGAN NEGATIF PENDEKATAN ISLAM TERHADAP HIV/AIDS

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Persidangan antarabangsa mengenai pendekatan Islam terhadap usaha memerangi HIV/AIDS yang diadakan di sini baru-baru ini telah menyingkirkan tanggapan bahawa Islam tidak memberikan perhatian sewajarnya terhadap isu itu.

Disebalik beberapa "kejadian", persidangan itu telah menunjukkan bahawa Islam mengambil berat dan bersedia mencari kaedah baru untuk mengawal penyebaran penyakit itu.

Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAM) Datin Paduka Marina Mahathir berkata kontroversi yang timbul semasa Konsultasi Antarabangsa Kedua Pemimpin-pemimpin Islam (IMLC) Dalam Menangani Isu HIV/AIDS selama lima hari itu sebenarnya telah memberi panduan kepada para peserta mengenai ajaran sebenar agama itu.

Hakikat bahawa kertas kerja kontroversi oleh Dr Amina Wadud, profesor madya Kajian Islam di Universiti Komanwel di Virginia, dipadamkan daripada rekod persidangan itu secara sukarela, telah mendorong para peserta untuk menangani isu sebenar HIV/AIDS.

Marina yang juga pengerusi Jawatankuasa Penasihat Antarabangsa IMLC, berkata ia mempamerkan pendekatan murni agama Islam dalam menangani isu itu yang sedikit sebanyak telah dapat dipelajari oleh para peserta.

"Mereka (para peserta) merasa lebih hampir dengan agama kerana mereka telah melihat tindak tanduk golongan mereka yang warak. Adalah penting untuk bersikap merendah diri kerana hanya Tuhan yang mengetahui segalanya," kata Marina kepada Bernama dalam satu temubual mengenai hasil IMLC.

Pada persidangan itu, Dr Amina mencetuskan kontroversi apabila beliau bercakap bahawa Islam gagal menangani AIDS, malah menindas wanita selain wanita turut dijadikan objek seks dan alat untuk memuaskan nafsu lelaki.

Perkara itu telah menimbulkan bantahan keras dan Dr Amina dituduh telah melakukan kekufuran. Beliau kemudian menarik balik kertas kerja itu dan memohon maaf bagi pilihan perkataan dan analoginya yang telah menimbulkan kemarahan para peserta.

Marina berkata kontroversi bukannya satu perkara baru tetapi apa yang mengejutkan para peserta ialah cara bantahan itu dibangkitkan.

"Saya fikir ia merupakan tajuk utama perdebatan bagi banyak orang dan sama ada perlu dilakukan dengan cara begitu dan adakah ia membawa manfaat pada akhirnya," katanya yang merujuk kepada bantahan keras, tindakan meninggalkan dewan persidangan dan gesaan agar Dr Amina disingkirkan daripada persidangan itu oleh para peserta.

"Akhirnya, saya tidak fikir ia membantu. Ia tidak membantu kita untuk bergerak ke depan. Malahan, ia mengganggu kita tetapi hasil pada akhir persidangan amat memuaskan," katanya.

Marina berkata ILMC berakhir dengan jayanya dan majoriti daripada 250 peserta berpendapat cadangan-cadangan yang dikemukakan amat berguna.

"Mereka berpendapat bahawa perbincangan bengkel amat berjaya dan senarai cadangan yang dikemukakan agak banyak.

"Ini adalah baik kerana sesetengah cadangan itu mungkin bersifat konservatif manakala yang lainnya mungkin terlalu progresif atau terlalu liberal tetapi semua itu tidak penting kerana anda tidak perlu mengambil semuanya. Ia bukannya peraturan, hanya pilih apa yang diperlukan," katanya.

Menyatakan bahawa isu sebenarnya ialah semakin ramai orang dijangkiti HIV/AIDS, Marina berkata seluruh masyarakat Islam termasuk tokoh dan pemimpin agama perlu bertindak secara kolektif terhadap masalah berkaitan

HIV/AIDS.

Beliau berkata tokoh dan pemimpin agama perlu pergi ke peringkat akar umbi dan memberikan panduan daripada segi emosi dan kerohanian kepada penghidap HIV/AIDS.

Malangnya, langkah itu akan mengambil masa dan penghidap terbabit mungkin mempunyai tanggapan bahawa sekiranya mereka berjumpa tokoh dan pemimpin agama untuk mendapatkan panduan, mereka akan dikutuk terhadap tindakan mereka yang lepas.

Keadaan itu, menurutnya menyebabkan dua kumpulan berbeza itu tidak berkomunikasi.

"Mereka (tokoh dan pemimpin agama) berada di masjid-masjid dan mereka yang memerlukan bantuan berada di luar sana.

"Jika tiada siapa mahu berjumpa mereka (tokoh dan pemimpin agama) untuk meminta bantuan, dengan itu mereka (tokoh dan pemimpin agama) sepatutnya pergi kepada mereka dan menunjukkan bahawa mereka juga mengambil berat terhadap mereka (penghidap HIV/AIDS)".

Marina berkata orang Islam patut mengamalkan sikap merendah diri dalam usaha mereka untuk menghapuskan HIV/AIDS dan untuk memahami dengan lebih mendalam akan punca di sebalik penyebaran penyakit itu.

Beliau menggesa tokoh dan pemimpin agama Islam agar mempunyai kesedaran lebih tinggi terhadap HIV/AIDS bagi membolehkan mereka memainkan peranan penting dalam memberikan perhatian terhadap penghidap penyakit itu.

"Saya fikir ia lebih bersifat pendidikan. Kebanyakan orang di negara ini gagal memahami HIV/AIDS," katanya.

Marina berkata terdapat banyak salah faham mengenai HIV/AIDS dan MAM sedang berusaha mendidik lebih ramai tokoh dan pemimpin agama mengenai penyakit itu.

Beliau berkata IMLC diadakan bagi tujuan mendedahkan kepada orang ramai mengenai hakikat sebenar HIV/AIDS di seluruh dunia dan bagi membolehkan mereka berinteraksi selain merumuskan idea mengenai apa yang dapat dilakukan seperti menerapkan perspektif agama dalam mengendalikan isu-isu berkaitan.

Beliau berkata MAM akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) dalam menggariskan program untuk melatih tokoh dan pemimpin agama dalam memerangi HIV/AIDS.

Katanya majlis itu juga sedang mengkaji kemungkinan untuk menjalin kerjasama dengan pihak-pihak lain dalam usaha mereka untuk mengawal penyebaran penyakit itu di Malaysia.

"Untuk menangani masalah itu ia perlu melibatkan semua orang. Aspek agama merupakan satu daripadanya tetapi terdapat isu-isu lain yang berkaitan seperti kemiskinan, perubatan, rawatan dan lain-lain," katanya.

-- BERNAMA

HS KHY ZUL RHM